

# Pelajar dakwa dirogol bapa, abang kandung

Sinar 29/6/14 MS9.

■ MOHD TAHA YAACOB

**BESUT** - Seorang pelajar tingkatan satu sebuah sekolah menengah, di sini, mendakwa dirogol bapa dan abang kandungnya dalam kejadian di rumah mereka di sebuah kampung di Jertih, akhir tahun lalu.

Pelajar perempuan itu mendakwa dirogol sebanyak dua kali oleh bapanya berusia 40-an dan sekali oleh abang kandungannya berusia awal 20-an.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Kamaruddin Mohd Zakaria berkata, perbuatan terkutuk bapa dan abang mangsa itu terbongkar selepas pelajar terbabit menceritakan kejadian berkenaan kepada ibu dan ibu saudaranya.



**KAMARUDDIN**

Menurutnya, mangsa mendakwa kali pertama bapanya melakukan perbuatan terkutuk itu ketika dia berusia 12 tahun iaitu akhir tahun lalu kira-kira jam 7 malam ketika dia berada di dalam bilik air rumah mereka.

“Mangsa mendakwa bapanya masuk ke bilik air lalu menutup mulutnya seterusnya merogol mangsa. Mangsa juga mendakwa kejadian berlaku sebanyak dua kali di rumah sama,” katanya.

Kamaruddin berkata, mangsa yang tidak mengingati tarikh kejadian memberitahu, abangnya pula cuba mengambil kesempatan merogolnya di dalam hutan berhampiran kawasan perumahan ketika suspek menghantar

mangsa ke kelas malam dengan menunggang motosikal.

Bagaimanapun pada malam itu, mangsa sempat menyelamatkan diri namun selang beberapa hari kemudian, abangnya merogol mangsa ketika dia sedang tidur di rumah.

“Mangsa akhirnya menceritakan kejadian itu kepada ibu dan ibu saudaranya sebelum perkara ini dimaklumkan kepada guru sekolah. Guru berkenaan kemudian membawa mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Jertih pada 23 Jun lalu,” katanya.

Kamaruddin berkata, susulan laporan itu polis melakukan gerakan menangkap kedua-dua suspek, namun mereka menghilangkan diri dan usaha mengesan suspek sedang dilakukan.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan dan kes disiasat di Bawah Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.